

# Pakaian paling banyak dikitar semula

PAGE 6

**W**ALAU PUN negara kita sering didedahkan dengan kempen kitar semula untuk kesejahteraan alam dan bagi mengurangkan kos pelupusan sisa pepejal, namun ia belum menjadi budaya dan diamalkan segenap lapisan masyarakat.

Presiden Pertubuhan Amal Seri Sinar (PASS), Datuk Eadon Ching Ten Song berkata, sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memementingkan kebersihan alam sekitar, PASS memainkan peranan penting bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kitar semula dan kaitannya dengan alam.

"Kanak-kanak dan orang dewasa tahu maksud kitar semula tapi ramai yang tak bertindak. Mereka lebih suka simpan atau menjualnya di kedai barangan terpakai.

"Ada juga yang mahu derma atau buang barang tapi tidak tahu di mana. Akhirnya mereka membazir dengan membuang barang yang masih boleh diguna di tempat sampah," katanya yang juga pengasas PASS.

Sejak ditubuhkan pada 2003, PASS telah menyediakan sebanyak 250 tong kitar semula di kawasan perumahan sekitar Lembah Klang bagi membolehkan orang ramai menghantar barang untuk diderma dan dikitar semula ke situ.

Pengambilan barangan terpakai dengan lori khas setiap Sabtu dan Ahad di tapak tertentu juga menarik minat orang ramai melibatkan diri dalam usaha menyelamatkan bumi.

Bagi barangan besar seperti perabot, PASS menyediakan khidmat mengutip barangan tersebut dari rumah, pejabat atau syarikat.

"Orang ramai mahu lihat sendiri siapa yang ambil barang mereka dan mahu tahu ke mana



Pakaian merupakan barangan terpakai yang paling banyak diterima PASS setiap hari.

ia disalurkan. Kita sediakan lori supaya mereka dapat hantar barang terpakai dan mereka puas hati.

"Khidmat pengambilan barangan saiz besar juga mendapat sambutan menggalakkan. Biasanya mereka ini mahu berpindah, menukar perabot baru dan sebagainya," katanya.

PASS menerima semua jenis barang untuk dikitar semula kerana hampir semua barangan boleh dikitar semula, kecuali pakaian, kayu reput dan beberapa jenis alat mainan.

Jenis barangan yang paling banyak diterima PASS setiap hari

adalah pakaian.

"Pakaian tak boleh kitar semula. Tapi jika masih elok, boleh guna semula. Kalau jual pun tak laku, kalau hantar ke rumah anak yatim ada yang tak mahu terima. Jadi, pakaian terpakai kita hantar ke Kemboja dan Laos," katanya.

Mengakui pengetahuan masyarakat tentang 3R iaitu *Reduce* (mengurangkan), *Reuse* (guna semula) dan *Recycle* (kitar semula) masih kurang, bagaimanapun terdapat peningkatan dari segi jumlah penerima dan barang yang diterima untuk tujuan kitar semula

setiap tahun.

Peningkatan ini adalah petanda positif kerana kerajaan dapat mengurangkan 40 hingga 60 peratus kos pengurusan sampah. PASS juga berjaya mengumpul sebanyak RM1.5 juta, hasil jualan amal barangan kitar semula.

Eadon juga mendedahkan PBT perlu membayar RM120 hingga RM150 bagi setiap tan barang terpakai kepada kontraktor yang menguruskannya.

"Malaysia kekurangan tanah untuk menampung lambakan sampah. Jika masyarakat masih



Presiden PASS, Datuk Eadon Ching menunjukkan borang permohonan daripada orang ramai yang meminta badan kebajikan itu mengutip barangan terpakai bersaiz besar di tempat mereka menggunakan lori.

tiada kesedaran, tapak pelupusan sampah yang luas akan menjejaskan tanah, udara dan seluruh alam sekitar yang menyebabkan bencana alam dan mengganggu kesihatan.

"Kita mahu masyarakat tahu kitar semula juga sebahagian daripada kebajikan. Kita semula bermaksud beramal sambil selamatkan bumi," katanya.

Mereka yang ingin mengitar semula barangan terpakai boleh menghubungi talian 03-90211888.

# EDC guna barangan terpakai ganti alat muzik

KUMPULAN Eco Drum Circle (EDC) yang ditubuhkan pada 2006 memilih menggunakan barangan terpakai ketika membuat persembahan bagi memberi kesedaran terhadap masyarakat tentang kepentingan kitar semula.

Pengasas EDC, Afiq Safwan Adly, 23, berkata, kumpulan ini sering menggunakan bahan-bahan seperti baldi, tong sampah, beg plastik, tin dan botol, kualiti kayu penyapu serta apa sahaja barangan terbuang ketika membuat persembahan.

"Kami guna apa sahaja barang yang boleh menghasilkan bunyi, sebagai ganti alat muzik. Alatan ini sering bertukar-tukar setiap kali membuat persembahan kerana kami mahu tunjukkan kepada masyarakat bahawa setiap barang, walaupun terpakai ada kegunaannya.

"Alat paling unik yang pernah kami gunakan ialah sinki bersama batang paipnya," katanya.

Tanpa perlu mengeluarkan modal, irama yang terhasil daripada gabungan bunyi peralatan yang dimainkan secara serentak mengikut tempo ini tetap menarik dan mampu membuatkan penonton terhibur.

Tidak seperti di awal penubuhan EDC dulu, EDC kini bukan sahaja mendapat perhatian masyarakat tempatan, tetapi turut dikagumi di peringkat antarabangsa.

"Dulu, ada yang kata kami gila sebab guna bahan buangan. Lama-kelamaan, masyarakat sedar matlamat penubuhan EDC dan mesej yang ingin disampaikan," kata penuntut tahun akhir, jurusan Multimedia Kreatif di Curtin University, Perth, Australia ini.

Afiq, yang juga fasilitator EDC berkata, sebagai kumpulan yang bernaung di bawah Yayasan Anak Warisan (YAWA) ini sering melaungkan mesej ringkas tetapi mampu



Anggota kumpulan EDC, Afiq Safwan Adly (kiri), Khaira Khan dan Aiman Shahiran Adly sedang membincangkan tentang alat kitar semula yang akan digunakan dalam persembahan akan datang.

membangkitkan semangat orang ramai untuk memelihara alam.

Mesej tersebut ialah *Recycling is not only important, it can be fun.*

"Kami gabungkan elemen muzik dan alam sekitar bagi menunjukkan bahawa ada keseronokan di sebalik kepentingan kitar semula," katanya.

Setakat ini, EDC mempunyai seramai 30 ahli yang aktif membuat persembahan, selain mempunyai pengikut yang ramai di seluruh Malaysia.

"Kami menggalakkan kanak-kanak menyertai EDC kerana lebih mudah untuk memupuk minat mereka mencintai alam.

"Sambil buat persembahan, EDC akan cuba menyelitkan mesej dan fakta ringkas tentang alam sekitar yang berguna supaya mampu diingati penonton," katanya.



Afiq Safwan Adly

EDC pernah membuat persembahan di World Drum Festival 2008 dan pernah menganjurkan persidangan dan bengkel di Australia dan Indonesia, selain pernah dijemput membuat persembahan di istana.

## APA KATA MEREKA

"Sudah lapan tahun menjadi pemandu lori. Bagi saya, tak kira kerja apa pun yang kita buat ia mesti dilakukan dengan ikhlas. Saya bangga dan senang hati kerana dapat beri keselesaan kepada orang ramai. Saya juga pernah mendapat Anugerah Pekerja Cemerlang SWM pada tahun 2005. Tentang respons masyarakat terhadap kerja saya, tak semua yang pandang negatif." - Mohd Ridzuan Mohd Tahir, 46, Pemandu Lori Kompektor



SW  
NO. 20.



"Apa nak dimalukan bekerja sebagai pemungut sampah. Saya buat kerja halal. Jika tiada orang nak buat kerja ini, siapa lagi yang mahu buat. Kalau ada penduduk yang marah-marah, saya pekakkan

saja telinga dan buat kerja saya. Jika mereka nak buat aduan, saya minta mereka menghubungi Unit Aduan SWM." - Muhammad Ujod, 46, Pengutip sampah